



## KENYATAAN MEDIA

### KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR KAWALAN KESELAMATAN SWASTA SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI MALAYSIA

---

---

1. Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan semula perintah-perintah kawalan pergerakan (PKP, PKPB dan PKPP) bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memperkasakan penugasan semua agensi barisan hadapan di bawahnya bagi tujuan penguatkuasaan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) dalam kalangan rakyat Malaysia.
2. Selain itu, bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman premis-premis yang dibenarkan beroperasi, Industri Kawalan Keselamatan Swasta diberikan kebenaran untuk beroperasi sepanjang pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP dengan mengambilkira pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap Industri Kawalan Keselamatan Swasta, KDN akan melakukan pemantauan yang ketat dari semasa ke semasa terhadap syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang beroperasi dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sebarang ketidakpatuhan yang dapat dikesan.
4. Untuk maklumat lanjut mengenai kebenaran beroperasi bagi Industri Kawalan Keselamatan Swasta dalam tempoh perintah-perintah kawalan pergerakan, hubungi Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri di talian 03 – 8886 8064.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

13 Januari 2021

Putrajaya